

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	<i>Utusan Malaysia</i> unggul empat anugerah MCCE	Utusan Malaysia
2.	Making innovation a priority	The Star
3.	Parlimen: RazakSat2 masih dalam proses pilih rakan teknologi - MOSTI	BERNAMA
4.	RazakSat2 masih dalam proses pilih rakan teknologi	Sinar Harian
5.	Satellite project still looking for tech partner	The Sun
6.	Post-27th ASEAN related summits images	New Straits Times
7.	Modi puji Malaysia cemerlang anjurkan Sidang Kemuncak ASEAN, Asia Timur	BERNAMA
8.	Amaran angin kencang dan laut bergelora bermula Rabu hingga Ahad ini	BERNAMA
9.	Tambahan RM2 juta untuk JPS Kelantan hadapi banjir	BERNAMA
10.	Flood alert in low – lying areas	New Straits Times
11.	Flood victims return home as water levels recede	New Straits Times
12.	Flood-prone river banks to be raised	The Star
13.	Gelombang kedua bah dijangka landa Kuala Selangor	Berita Harian
14.	Debar – debar!!!	Harian Metro
15.	YIM komersialkan barangan inovasi	Sinar Harian
16.	UKMTech rugi RM3.08 juta selama lima tahun dari 2009	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)



MADIUS TANGAU (dua kiri) menyampaikan Anugerah Utama kepada Mohd. Azraie Md. Yusof dalam Malam Anugerah Media Challenge MCCE 2015 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID

Utusan Malaysia unggul empat anugerah MCCE

KUALA LUMPUR 23 Nov. - *Utusan Malaysia* berjaya merangkul empat anugerah dalam Malam Anugerah Media Cabaran Persidangan Pengkomersialan dan Pameran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi 2015.

Wartawan, Mohd. Azraie Md. Yusof meraih dua anugerah iaitu anugerah utama MCCE serta media cetak dan berjaya membawa pulang RM1,000 dan berpeluang menghadiri Majlis Anugerah Hadiah Nobel 2015 di Stockholm, Sweden.

Dua anugerah lagi dimenangi Ketua Meja Sains dan Teknologi, Laupa Junus bagi kategori khas juri dan jurufoto, Aizzul Majid bagi kategori fotografi dengan masing-masing membawa pulang RM1,000 dan lawatan ke Pusat Reka Kreatif Thailand (TCDC).

Anugerah berkenaan disampaikan

kan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau di Hotel Seri Pacific, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

Para pemenang diadili berdasarkan laporan pemberitaan ketika penganjuran MCCE pada 18 dan 19 November baru-baru ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sementara itu, Madius berkata, penggunaan sains, teknologi dan inovasi (STI) kini bakal menjadi kemestian dalam pelaksanaan dasar kementerian lain.

“Semua perkara kini berkait rapat dengan STI, ia dapat melonjakkan kedudukan negara ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020,” katanya.



DARI kiri Laupa Junus, Mohd. Azraie Md. Yusof dan wakil Aizzul Majid diwakili oleh Mohd. Azrin Muhammad bersama anugerah yang dimenangi mereka dalam Malam Anugerah Media Challenge MCCE 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

